

**Pembanggang Tak Sokong Tubuh PSC Lynas**  
**mStar Online**  
**Mac 20, 2012**  
**Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

**KUALA LUMPUR:** Pembanggang menolak penubuhan Jawatankuasa Pilihan KhasParlimen (PSC) bagi mengkaji pembinaan Projek Lynas Advanced MaterialsPlant (LAMP) kerana menyifatkannya sebagai helah kerajaan untuk meneruskan pembinaan kilang nadir bumi Lynas diGebeng, Pahang.

Dr Dzulkefli Ahmad (PAS-Kuala Selangor) berkata, pembanggang mempertikaikan keikhlasan kerajaan dalam penubuhan jawatankuasa berkenaan yang disifatkan hanya sebagai mekanisme dalam mencapai persetujuan meneruskan projek tersebut.

Sebaliknya menggesa agar kerajaan mengarahkan Lynas supaya menghentikan sebarang operasi sekiranya PSC mahu meneruskan kajian.

"PSC ini sekadar untuk menghalalkan tindakan kerajaan...ia seperti matlamat menghalalkan cara.

"Oleh kerana itu kami Pakatan Rakyat menolak penubuhan PSC," katanyaketika membahaskan usul penubuhan jawatankuasa berkenaan di DewanRakyat pada Selasa.

Terdahulu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed NazriAbdul Aziz membentangkan usul penubuhan Jawatankuasa Pilihan KhasParlimen bagi meneliti isu-isu yang menjadi perhatian pihak awam sertastandard keselamatan projek LAMP.

Jawatankuasa berkenaan yang diberi tempoh selama tiga bulan untuk menjalankan tugas akan dianggotai oleh sembilan Ahli Parlimen iaitu lima daripada BarisanNasional (BN), tiga mewakili pembanggang dan seorang wakil Bebas.

Ia akan dipengerusikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Dzulkefli berkata, jika kerajaan masih mahu menubuhkan PSC ini, satu arahan perludibuat segera supaya Lynas menghentikan segala operasi di Gebeng.

"Kedua, kerajaan perlu menarik balik lesen yang diberikan kepada Lynas serta mereka seharusnya dihalang daripada meneruskan apa jua kegiatan sehingga PSC siap membuat penelitian," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd  
Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/20/mstar\\_berita/20120320145005&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/20/mstar_berita/20120320145005&sec=mstar_berita)